

Dana BNM untuk PKS:

Kemudahan Bantuan dan Adaptasi (Relief and Adaptation Facility, RAFt)

RAFt oleh BNM bertujuan untuk menggalakkan kesiapsiagaan serta meningkatkan daya tahan perniagaan dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi menghadapi risiko banjir yang semakin meningkat di Malaysia. Melalui RAFt, PKS kini boleh mendapatkan sokongan pembiayaan, iaitu pembiayaan bantuan selepas kejadian banjir dan bagi mengambil langkah perlindungan dan pencegahan terhadap banjir.

Ciri-ciri Kemudahan Bantuan dan Adaptasi (RAFt)

Saiz pembiayaan

Maksimum **RM1 juta** bagi setiap jenis pembiayaan

Kadar pembiayaan

Pembiayaan bantuan

Hingga **3.5% setahun**

Pembiayaan adaptasi

Hingga **3% setahun**

Tempoh pembiayaan

Hingga **7 tahun**

Pembiayaan bantuan

Termasuk moratorium[4] **selama 6 bulan** dan sebarang lanjutan

	Pembiayaan bantuan	Pembiayaan adaptasi
Objektif	Meringankan beban kewangan PKS yang terjejas akibat banjir	Menggalakkan kesiapsiagaan serta meningkatkan daya tahan perniagaan PKS terhadap banjir
Kriteria kelayakan	• PKS Malaysia[1,2] yang terjejas di kawasan bencana banjir[3] • Permohonan bagi pembiayaan perlu dikemukakan dalam tempoh 12 bulan selepas bencana banjir	PKS Malaysia[1,2] yang: • pernah mengalami/terkesan oleh banjir, termasuk banjir kilat; dan/atau • terletak di kawasan yang berisiko banjir
Tujuan pembiayaan	• Membaik pulih dan/atau menggantikan aset perniagaan yang rosak akibat banjir; dan/atau • Modal kerja	• Pelaburan modal dan perbelanjaan yang berkaitan untuk mengurangkan risiko dan kerugian PKS akibat banjir
Jaminan	• Sehingga 80% liputan jaminan dengan yuran jaminan 0.5% setahun • Jaminan boleh diperoleh daripada Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) atau Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP)	
Keperluan tambahan	• Keperluan tambahan terpakai untuk pembiayaan adaptasi. Keperluan ini bergantung pada jenis adaptasi dan nilai pembiayaan • Rujuk Soalan Lazim dan dapatkan maklumat lanjut daripada institusi kewangan peserta	
Prosedur permohonan	• Mohon terus kepada institusi kewangan peserta • Kelulusan tertakluk kepada penilaian kredit institusi kewangan peserta	
Tempoh tersedia	• Hingga 30 Jun 2027 atau sehingga peruntukan digunakan sepenuhnya	

[1] Merujuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana seperti yang ditakrifkan oleh Garis Panduan Bagi Definisi PKS yang dikeluarkan oleh SME Corp. Malaysia yang boleh diakses di sini

[2] Sekurang-kurangnya 51% pegangan pemilikan dimiliki oleh rakyat Malaysia

[3] Merujuk daerah yang dikenal pasti oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebagai kawasan bencana banjir

[4] Moratorium bukanlah bermaksud hutang dalam tempoh tersebut dilupuskan. Faedah/keuntungan akan terus terkumpul ke atas pembayaran tertangguh selama tempoh moratorium, dan akan dikenakan pada jumlah ansuran

Untuk maklumat lanjut

Hubungi pusat khidmat pelanggan institusi kewangan peserta

Layari laman sesawang institusi kewangan peserta

Pembiayaan untuk PKS [Pautan]

Dana BNM untuk PKS [Pautan]

Senarai Institusi Kewangan Peserta [Pautan]

BNMLINK [Pautan]

Inisiatif oleh:

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Penyedia jaminan kredit:

CGC SJPP